

Putrajaya

Harion Metro

13/6/15

JPV siasat aduan kes ayam sakit misteri

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) mengesahkan pihaknya menerima aduan berhubung dakwaan ada ayam yang dijangkiti penyakit misteri.

Jurucakap JPV ketika dihubungi berkata, pihaknya sedang menyiasat dakwaan berkenaan yang kini menjadi 'viral' di media sosial terutama Facebook (FB).

"Kita ada menerima aduan itu dan siasatan serta pemeriksaan akan

dijalankan," katanya ketika dihubungi, semalam.

Bagaimanapun, jurucakap terbabit enggan mengulas lanjut berhubung perkara itu.

Baru-baru ini, 'kecoh' di media sosial terutama FB berhubung kononnya ada ayam dijual di pasaran dijangkiti penyakit misteri.

Menerusi sebaran maklumat yang menjadi 'viral' itu, ia meminta supaya orang ramai tidak membeli atau makan ayam.